

Sebab aurad Muhammadiyah diharamkan

ARQAM MENYIMPANG

BM 17 JUL 1994

Oleh Lichong Angkui dan Izman Ismail

PETALING JAYA: Kerajaan mengharamkan ajaran al-Arqam kerana pertubuhan itu sudah menyimpang jauh dan bertentangan dengan akidah Islam, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kegiatan pertubuhan itu kini mencapai tahap yang membahayakan dan boleh memecahbelahkan umat Islam di negara ini.

Katanya, jika umat Islam sudah berpecah, ia akan membawa kesan buruk dari segi keamanan dan keselamatan negara.

"Oleh itu, kerajaan memutuskan mengharamkan ajaran al-Arqam manakala perkembangannya dihalang untuk memastikan tidak ramai umat Islam terpedaya dengannya kerana kita (kerajaan) melihat semakin lama semakin menyeleweng ajarannya.

"Pada mulanya ia setakat menggalakkan perkahwinan empat isteri dan sebagainya...itu masih lagi dibenarkan oleh Islam, tetapi sekarang ini ia sudah mengangkat pemimpinnya sebagai seorang nabi yang begitu tinggi sekali.

"Nampak ada bukti keangkuhan yang tidak baik," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan ke-14 Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Berhad (KUB) di sini, semalam.

Kelmarin, Pusat Islam menjelaskan al-Arqam menyeleweng daripada akidah Islam kerana ajaran ketuanya, Ashaari Muhammad, didapati bercanggah dengan akidah dan syariah ahli Sunnah Wal-Jamaah serta etika masyarakat.

Ketua Bahagian Penyelidikan Pusat Islam, Abdullah Fahim Abdul Rahman, berkata ajaran Ashaari yang berpegang kepada aurad Muhammadiyah, mendorong pengikut memujanya sebagai pemimpin agung yang mempunyai pelbagai kelebihan.

Pada 5 Julai lalu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman berkata kerajaan mempunyai bukti cukup kegiatan al-Arqam bukan bertujuan meningkatkan dakwah Islamiah, tetapi untuk mempertahankan kepentingan Ashaari.

Dr Mahathir berkata, kerajaan tidak mempertikaikan cara berpakaian kumpulan al-Arqam sama ada menutup muka, mata dan sebagainya, tetapi yang penting ialah soal ajaran yang dibawa.

Katanya, jika kumpulan itu membawa ajaran yang bertentangan dengan Islam, sudah tentu menjadi tanggungjawab kerajaan menghalang perkembangannya.

"Masalah yang berlaku sekarang ialah disebabkan ajaran al-Arqam itu sudah menyeleweng daripada Islam sehingga sampai ke tahap dia menganggap pemimpinnya seorang yang boleh dikatakan nabi.

"Ini tidak boleh diterima dan ia berpunca disebabkan ramai ahli al-Arqam tidak faham mengenai Islam dan tak faham ke arah mana al-Arqam membawa mereka. Dengan itu mereka mungkin menjadi sesat," katanya.

Mengenai laporan Ashaari tidak

LIHAT MUKA 3

Ahli mudah jadi sesat: PM

BM 17 JUL 1994

DARI MUKA 1 >

mahu berbincang dengan Pusat Islam, sebaliknya mahu bertemu Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Dia (Ashaari) anggap dirinya setaraf dengan pemimpin dunia. Saya belum sampai ke taraf itu lagi."

Oleh itu, katanya, beliau

tidak akan bertemu dengan Ashaari, sebaliknya pemimpin al-Arqam itu dinasihatkan berbincang dengan Pusat Islam.

Mengenai pembabitan Ahli Parlimen kawasan Batu Berendam, Tamrin Ghafar dalam al-Arqam, beliau berkata, perkara itu

akan dikaji untuk menentukan sejauh mana pembabitannya dalam kegiatan itu.

Katanya, kajian itu perlu untuk memastikan sama ada ia sudah sampai ke tahap menyeleweng daripada ajaran Islam.